



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6 June 2015



SEORANG pegawai polis (kanan) naik ke pentas untuk meminta Dr. Mahathir Mohamad menghentikan ucapan beliau dalam majlis dialog *Nothing To Hide* selepas mendapat arahan daripada Ketua Polis Negara di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

Keselamatan diutamakan

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA dan NORHIDAYU MOHD. HASSAN
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 5 JUN

PEMBATALAN program bersama Perdana Menteri bertemakan *Nothing To Hide* anjuran Pertubuhan Sukarelawan Peguam Malaysia (SukaGuam) dibuat berdasarkan prinsip mengutamakan aspek keselamatan awam di dalam majlis.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, keputusan itu bukan arahan daripadanya mahupun Datuk Seri Najib Tun Razak, sebaliknya dibuat selepas pihak polis mendapat maklumat awal akan berlaku insiden yang tidak diirigini pada sesi dialog tersebut.

Bagaimanapun, Ahmad Zahid memberitahu, Perdana Menteri pada awalnya komited untuk hadir pada majlis anjuran SukaGuam itu, namun pihak polis menasihatkan beliau supaya tidak hadir atas faktor keselamatan.

"Keputusan batal oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar itu bukan atas arahan daripada diri saya sendiri sebagai Menteri Dalam Negeri atau arahan daripada Perdana Menteri.

"Tetapi Perdana Menteri telah mempertimbangkan pandangan pihak polis yang mendapat mak-

lumat awal beberapa insiden akan menyebabkan sesuatu yang tidak positif tentang tujuan anjuran majlis itu adalah untuk membuka sesuatu yang tidak pttut diselindungkan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pertemuan bersama Ulama Hadis di sini hari ini.

Program dialog *Nothing To Hide* yang sepatutnya berlangsung pagi ini di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putia (PWTC) diarah dibatalkan oleh Ketua Polis Negara atas faktor ketenteraman awam.

Ahmad Zahid memberitahu, Perdana Menteri amat dukacita dengan pembatalan program yang dianjurkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di PWTC itu.

Ditanya mengenai tindakan penganjur yang masih meneruskan majlis dialog tersebut sedangkan telah diarah supaya dibatalkan dan tentang polis yang mengarahkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya berhenti berucap pada sesi dialog itu, beliau berkata, Ketua Polis Negara akan menjelaskan berhubung kedua-dua perkara itu.

Dalam pada itu, Khalid Abu Bakar berkata, keputusan itu dibuat berdasarkan aspek ketenteraman awam dan keselamatan selepas

penilaian dilakukan terhadap ancaman daripada dua kumpulan tidak sehaluan yang merancang melakukan kekecohan.

Beliau berkata, maklumat mengenai dua kumpulan tersebut diperoleh di saat-saat akhir dan ia sesuatu ancaman serius yang perlu dicegah daripada peringkat awal.

Menurutnya, polis juga menjangkakan pihak penganjur tidak boleh mengawal keadaan jika dialog diteruskan kerana sebelum program dimulakan, sudah ada yang berani membuat kecoh sehingga seorang individu terpaksa ditahan untuk siasatan sebelum dibebaskan dengan jaminan polis.

"Polis tidak diarahkan sesiapa kerana lenjadi tanggungjawab kita mengikut Seksyen 103 Kanun Prosedur Jenayah yang jelas menyatakan tindakan itu diambil dengan kuasa polis atas isu keselamatan awam.

"Malah, pada mulanya Perdana Menteri juga kurang bersetuju dengan tindakan saya kerana difahamkan beliau sudah bersiap untuk ke majlis tersebut," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, di sini hari ini.



KHALID ABU BAKAR